

Dr  
**Mohd Yahya Mohd Ariffin**



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

# Nilai aspirasi graduan dari perspektif 1Malaysia

**G**agasan 1Malaysia ialah satu formula yang turut menekankan pengamalan nilai aspirasi yang perlu dihayati dan diamalkan oleh pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) serta graduan. Nilai aspirasi yang terkandung dalam gagasan itu merangkumi integriti, ketabahan, kesetiaan dan kebijaksanaan (Jabatan Perdana Menteri 2012).

Lantaran itu, menjadikan mereka modal insan yang progresif dan dinamik yang akan memacu negara ke arah mencapai status negara maju pada 2020. Pada minggu ini penulis akan membincangkan nilai itu yang harus dijadikan amalan pelajar ketika di kampus dan apabila bekerja.

## Integriti

Sebagai rakyat Malaysia yang terdidik, pelajar dan graduan perlu memiliki integriti yang tinggi dalam melaksanakan sebarang tugas serta tanggungjawab agar bangsa dan negara sentiasa disegani dan dihormati oleh semua pihak.

Integriti merangkumi sifat amanah, bersih dan cekap dalam melakukan sebarang tugas dan melaksanakan tanggungjawab yang diberi (Jabatan Perdana Menteri 2012). Sebagai pelajar, belajar ialah satu tanggungjawab yang wajib dilaksanakan dengan penuh integriti.

Perbuatan poteng kuliah dan tutorial, tidak menyumbang idea dan tenaga dalam tugas berkumpulan serta meniru ketika peperiksaan ialah perbuatan yang tidak berintegriti.

Sebaliknya, jika pelajar berusaha memperbaiki kesilapan dalam setiap perkara serta menghindari tindakan yang salah seperti contoh di atas, tentunya langkah itu mampu mendapatkan hasil yang lebih baik iaitu keputusan akademik yang cemerlang.

Pada awal pekerjaan, graduan harus menerima kritikan dan teguran dengan hati yang terbuka walaupun perkara seperti itu sukar diterima oleh sesetengah individu. Kritikan dan teguran khususnya daripada ketua atau pegawai yang lebih senior perlu dijadikan iktibar dan panduan untuk membetulkan kesilapan yang dilakukan.

Selain itu, graduan mesti menyetepikan kepentingan peribadi dalam segala tindakan dan perlakuan sebaliknya, mengutamakan kepentingan organisasi atau majikan.

## Ketabahan

Graduan perlu memiliki keyakinan diri yang tinggi serta semangat juang yang kental dalam sebarang bidang pekerjaan yang diceburi. Penggembengan semangat bekerja keras, dedikasi serta tabah menghadapi segala cabaran dan rintangan ialah ramuan terbaik dalam mencapai sesuatu matlamat.

Ketabahan dalam menghadapi perubahan peribadi wajar dijadikan wadah bagi memperbetul kesilapan atau kegagalan perkara terdahulu (<http://pmr.penerangan.gov.my>). Pelajar

harus tabah ketika menghadapi pengajian di kampus, manakala sebagai graduan harus menghindari sikap mudah mengalah, kecewa dan menyerahkan kepada takdir jika ingin maju dan berjaya dalam kerjaya.

Mereka juga perlu memiliki semangat juang yang tinggi dan berpendirian teguh bagi mencapai kejayaan untuk diri, masyarakat dan negara.

## Kesetiaan

Pelajar dan graduan perlu berpegang kepada prinsip kesetiaan dalam sebarang keadaan. Prinsip kesetiaan dengan jelas terkandung dalam Rukun Negara yang kedua iaitu 'Kesetiaan kepada Raja dan Negara'. Prinsip ini wajib dipegang erat setiap pelajar serta graduan yang cintakan negara ini tanpa berbelah bahagi.

Mereka perlu mengutamakan kesetiaan dan kepentingan kepada negara mengatasi kesetiaan kepada kaum dan kelompok sendiri (<http://pmr.penerangan.gov.my>). Penglibatan dalam aktiviti berpersatuan di kampus dapat mendidik pelajar makna kesetiaan kepada pemimpin persatuan.

Apabila bekerja graduan perlu setia kepada pemimpin atau ketua dalam organisasi. Ini disebabkan kesetiaan teras kepada kewibawaan, keteguhan, kejayaan dan kecemerlangan sesebuah organisasi.

Sebagai pengikut, graduan perlu menunjukkan kesetiaan dan ketaatan kepada ketua atau pemimpin kerana pekerja organisasi yang tidak bekerjasama dan tidak setia kepada arahan itu akan mengalami masalah serta krisis.

## Kebijaksanaan

Pelajar IPT perlu memiliki nilai kebijaksanaan apabila berhadapan dengan sebarang situasi atau masalah. Penyelesaiannya harus ditangani dengan penuh berhemah dan teliti agar tidak berlaku perkara yang menyinggung hati dan perasaan manamana pihak yang terbabit.

Bermakna, sama ada sebagai pelajar atau pekerja perlu bijak dalam membuat sesuatu keputusan dengan tepat, tahu membezakan yang baik dan buruk, memiliki pemikiran yang tepat, bijak meletak sesuatu kena pada tempatnya serta tidak mudah terpengaruh dengan nafsu dan kepentingan sendiri.

Nilai kebijaksanaan itu dibina hasil daripada ilmu pengetahuan yang luas, bijak, berdisiplin dalam berfikir, berpendirian tegas, memiliki kemahiran mendengar, serta sentiasa siap sedia.

Sesungguhnya, keupayaan membina negara bangsa dalam era globalisasi ini turut bergantung kepada kesungguhan pelajar serta graduan menghayati dan mengamalkan nilai di atas.